

# Malaysia-Jepun tingkat kerjasama

UM - 9/3/2007

OSAKA 8 Mac - Lawatan kerja empat hari Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Jepun yang berakhir hari ini mencapai kejayaan dengan komitmen negara ini meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang berpotensi dengan Malaysia.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, melalui pertemuan dengan pemimpin-pemimpin serta sektor awam dan swasta di Jepun, mereka memberi maklum balas yang positif terhadap usaha mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi.

"Dengan lawatan ini saya dapat melihat dan merasai sentimen kerajaan Jepun dan sektor swastanya yang begitu membebangsangkan terhadap Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan rasminya ke Jepun di sini.

Kata beliau, dalam perjumpaannya dengan Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe Selasa lalu, Abe melahirkan hasrat untuk terus berusaha memperkukuhkan hubungan antara Jepun dan Malaysia.

Beliau berkata, pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (JMPEA) tahun lalu berjaya membuka era baru dalam hubungan eko-

nomi kedua-dua negara.

"Kejayaan awal telah dapat kita lihat di mana tahun lepas perdagangan dua hala meningkat lebih 10 peratus dan Jepun juga muncul semula sebagai pelabur terbesar dengan nilai pelaburan mencecah RM4.2 bilion," katanya.

Katanya, dalam lawatan ini juga beliau dapat melihat potensi teknologi baru termasuk dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan bioteknologi yang dibangunkan oleh Jepun dan boleh dijadikan asas kepada pelaksanaan projek perintis di Malaysia.

Sehubungan itu, jelas beliau, Malaysia akan cuba meyakinkan Jepun bahawa negara ini adalah tempat paling sesuai untuk melaksanakan teknologi-teknologi baru itu.

Menurut Najib, beliau berpuas hati dengan pencapaian pelajar Malaysia di Jepun terutama dari segi pembentukan keperibadian, sikap, etika dan sistem nilai yang dimiliki oleh mereka setelah menghayati nilai baik orang Jepun sepanjang belajar di sini.

"Oleh itu dasar menghantar pelajar ke Jepun akan kita teruskan di samping itu kita akan buka peluang untuk lebih ra-

mai pelajar mendapat pendidikan di peringkat ijazah lanjutan di negara ini," katanya.

Dari segi kerjasama dalam bidang pertahanan, menurut Najib, Menteri pertahanan Jepun berminat untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara.

Dalam hubungan ini, Malaysia jelas Timbalan Perdana Menteri mengalu-alukan penyertaan Jepun dalam misi-misi keamanan serantau.

"Kita tidak lagi terkongkong dengan faktor sejarah kerana pada saya ia sudah berlalu. Jepun dalam masa .50 tahun ini telah menunjukkan mereka menentang penggunaan kekerasan setelah mengalami kesan buruk akibat Perang Dunia Kedua.

"Sekarang kita tidak ada perasaan curiga terhadap Jepun dan kita mengalu-alukan penyertaan negara itu (dalam misi keamanan) dengan lebih luas lagi," ujarnya.

Ditanya sama ada Jepun ada memberikan cadangan untuk meningkatkan keselamatan di perairan Selat Melaka, Najib berkata, secara spesifik tidak ada tetapi negara ini berpuas hati dengan penyeliaan dan kawalan di selat itu.

- Utusan